

19/10/1999

F1 buka mata masyarakat kita

Zairee Zahir; Saufi Hamzah

SUATU masa dulu perlumbaan Formula Satu terlalu asing buat peminat sukan di Malaysia. Harus tidak terlintas di fikiran mereka sukan paling berprestij itu akan diadakan di negara ini.

Tetapi peminat setia tetap membuka mata untuk mengenali sukan ini menerusi sumber maklumat terhad, yang biasanya diambil dari laporan luar negara.

Nama-nama seperti Alain Prost, Niki Lauda, Nigel Mansell, Gerhard Berger dan Ayrton Senna mula dikenali sebagai pemandu handalan, itu pun jarang yang dapat mengikuti perkembangan sukan itu secara konsisten.

Empat tahun lalu, syarikat petroleum negara, Petronas, mengorak langkah menjadi penaja pasukan Red Bull Sauber tetapi ia masih dianggap keputusan yang tidak relevan serta membazir.

Kemudian, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyaksikan perlumbaan F1 di Litar Estoril, Portugal pada September 1996, mengumumkan Malaysia berhajat menjadi tuan rumah.

Untuk itu, Pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail, diberi tugas membina litar bertaraf dunia di Sepang.

Sebagai langkah berikutnya, MAB dengan segera mendapatkan kepakaran perunding Jerman yang pernah bertanggungjawab membina litar F1 di negara berkenaan dan Austria.

Ketika pelan induk pertama litar yang akan dibina di Sepang dibentangkan pada Disember tahun berkenaan, ia masih dianggap impian mustahil.

Malah, ketika Perdana Menteri mengumumkan untuk menaja pasukan Stewart Ford bagi musim 1998, ia dianggap pelaburan yang merugikan.

Biar apapun, perkara berkaitan Formula 1 mula diperkatakan dan pengetahuan mengenainya semakin meningkat apabila stesen televisyen swasta mengambil daya usaha menyiarkan perlumbaan itu - secara rangkuman, tertangguh atau siaran langsung.

Selepas Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) mengesahkan Litar F1 Sepang sebagai salah satu rumah daripada 16 pusingan yang ditetapkan untuk musim 1999, barulah keyakinan bahawa F1 akan datang ke Malaysia mula diterima.

Bahang F1 hanya mula dirasai selepas Litar F1 Sepang yang dirasmikan Perdana Menteri, 9 Mac lalu, siap sepenuhnya dengan kelengkapan serba canggih dan dianggap termoden di dunia.

Kehadiran jaguh F1, Mika Hakkinen dan Eddie Irvine yang baru menjuarai GP Australia serta jaguh Red Bull Sauber Petronas, Jean Alesi, turut membantu mempopularkan sukan itu.

Masyarakat antarabangsa berpeluang melihat Litar F1 Sepang ketika Grand Prix Motosikal Dunia, April lalu dan pelbagai pandangan diberikan terhadap litar yang diiktiraf termoden menjelang alaf baru.

Pusingan demi pusingan kejuaraan musim ini diikuti dengan lebih dekat. Dari Melbourne ke Interlagos di Brazil. Kemudian beralih ke bahagian barat laut Eropah di San Marino, Monaco dan Barcelona.

Perlumbaan pusingan keenam diadakan di Litar Gilles Villeneuve di Kanada sebelum setiap pasukan terbang semula menjelajah hampir seluruh Eropah dari Litar Magny-Cours, Silverstone, A1-Ring, Hockenheim, Hungaroring, Spa-Francorchamps, Monza dan Nurburgring di Jerman.

Tempoh tiga minggu berikut adalah tempoh paling sibuk buat semua pihak terbabit untuk menyambut kedatangan Grand Prix Malaysia Petronas, termasuk pengurusan Litar F1 Sepang, Petronas serta pihak media di negara ini.

Hampir setiap hari akhbar memuatkan berita mengenai F1, bermula daripada latar belakang, legenda silam, pemandu, pasukan dan enjin kereta serta persaingan sengit di litar kepada ramalan siapa yang akan mencatat sejarah memenangi kejuaraan buat pertama kali di Litar F1 Sepang.

Syarikat yang mempunyai kepentingan dengan setiap pasukan dalam F1 mempunyai atur cara yang sibuk mempromosikan produk mereka di samping menambah keghairahan menjelang hari perlumbaan.

Sesi bertemu peminat yang diatur beberapa syarikat memperlihatkan tahap sambutan paling meriah di kalangan peminat F1 - sesuatu yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

Tempoh tiga hari pada 15-17 Oktober apabila Litar F1 Sepang membuka gelanggangnya memberi dimensi baru kepada nama, imej, bidang sukan pemotoran serta aspek pelancongan di negara ini.

Buat pertama kali, hampir 370 juta penonton yang menyaksikan perlumbaan menerusi siaran langsung televisyen kelmarin, melihat pesta perayaan F1 di litar serba canggih di Sepang serta diselang-seli dengan kekayaan warna-warni Malaysia manakala 6 bilion penonton akan dapat menyaksikannya menerusi sedutan rakaman.

Selain dapat melihat pelbagai ragam kira-kira 80,000 penonton yang memenuhi tempat duduk, acara sampingan itu berpeluang menonjolkan tradisi kebudayaan dan gaya hidup masyarakat berbilang kaum Malaysia.

Dari satu sudut, setidak-tidaknya Grand Prix Malaysia Petronas akan terus menjadi sebutan untuk sekurang-kurangnya seminggu lagi apabila FIA bermesyuarat untuk mendengar rayuan pasukan Ferrari di Paris.

Hakikatnya matlamat utama untuk memperkenalkan nama Malaysia dalam bidang pelancongan menerusi sukan pemotoran antarabangsa mencapai sasarannya.

Yang pasti, setiap gerak pasukan dan pelumba pujaan F1 akan sentiasa diikuti dan diperbualkan selepas ini sambil ghairah menunggu tarikh pesta yang akan datang.

(END)